

## EKSPLORASI PUSAT PENDIDIKAN ANAK ISTIMEWA: KAJIAN DI BEBERAPA PUSAT TERPILIH DI KUANTAN

### *EXPLORATION OF SPECIAL CHILDREN'S EDUCATION CENTERS: A STUDY IN SEVERAL SELECTED CENTERS IN KUANTAN*

Zati Nazifah Abdul Rahim<sup>1</sup>

Noornajihan Ja'afar<sup>2</sup>

Nurul Asiah Fasehah Muhamad<sup>3</sup>

Helimy Aris<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: zatinazifah@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: noornajihan@usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: nurulasiahfasehah@usim.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: helimy@usim.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 9-5-2024

**Revised date** : 15-5-2024

**Accepted date** : 27-6-2024

**Published date** : 31-7-2024

#### To cite this document:

Abdul Rahim Z. N., Ja'afar, N., Muhamad, N. A. F., & Aris, H. (2024). Eksplorasi pusat pendidikan anak istimewa: Kajian di beberapa pusat terpilih di Kuantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (64), 114 – 125.

**Abstrak:** Anak-anak istimewa juga memerlukan pendidikan yang khusus meskipun tidak seperti anak-anak yang normal. Justeru, tertubuhnya Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah menjadi pusat untuk menyantuni anak-anak istimewa dengan penjagaan dan pendidikan yang terbaik untuk mereka. Sehubungan dengan itu, objektif kajian eksplorasi ini adalah untuk meninjau dan memahami tiga aspek utama iaitu; 1- Program dan pengisian; 2- Sistem sokongan; dan 3- Kemudahan dan infrastruktur di setiap PDK yang terpilih di Kuantan, Pahang. Metodologi penyelidikan kualitatif deskriptif digunakan dalam kajian ini dimana data diperoleh melalui temu bual bersama penyelia dan petugas, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan setiap PDK menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menyantuni anak-anak istimewa ini, bergantung kepada variasi metod yang digunakan oleh setiap petugas. Namun setiap program dan pengisian masih mengikut garis panduan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beberapa cadangan penambahbaikan juga dapat dikenalpasti terutamanya daripada aspek kemudahan dan infrastruktur sedia ada yang kurang memuaskan atas faktor kekangan kewangan dan sebagainya. Implikasi hasil kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang keperluan anak-anak OKU dalam konteks pendidikan, serta menyediakan sokongan yang lebih baik bagi perkembangan mereka.

**Kata kunci:** Eksplorasi, Pusat Pendidikan, Anak Istimewa, PDK

**Abstract:** *Children with special needs also require specialized education, even though their circumstances differ from those of typical children. Consequently, the establishment of Community-Based Rehabilitation Centers (PDK) has provided a focal point for nurturing and educating these exceptional children. The objectives of this exploratory study are to review and understand three main aspects; 1- Programs and Interventions; 2- Support Systems; and 3- Facilities and Infrastructure at each selected PDK in Kuantan, Pahang. The study employs a qualitative descriptive research methodology, gathering data through interviews with supervisors and staff, observations, and document analysis. Findings reveal that each PDK adopts distinct approaches in supporting children with special needs, depending on the methods employed by individual staff members. However, all programs and interventions adhere to guidelines set forth by the Department of Social Welfare (JKM) and the Ministry of Health Malaysia (KKM). Recommendations for improvement primarily focus on existing facilities and infrastructure, which may be limited due to financial constraints and other factors. The implications of this study aim to raise awareness and understanding within the community regarding the educational needs of children with disabilities to enhance support for their overall development.*

**Keywords:** *Exploration, Education Center, Special Needs Children, CBR Center*

## Pendahuluan

Pendidikan merupakan proses yang penting untuk mengembangkan potensi setiap individu, oleh itu semua golongan termasuk anak-anak istimewa seharusnya layak untuk mendapat pendidikan yang sempurna. Melihat realiti sosial yang berlaku dalam kalangan majoriti masyarakat, anak-anak istimewa sering terpinggir kerana umum berpandangan bahawa anak-anak ini mempunyai kecacatan, justeru dianggap tidak bermanfaat dalam konteks sosial (Rahmawati, 2018). Menurut perspektif Islam, setiap manusia adalah sama dan yang membezakan adalah tahap taqwa mereka. Seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Hujurat ayat yang ke 13;

﴿...إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣﴾

«...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)»

Dalam konteks ini, anak-anak istimewa atau normal kedua-duanya layak untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik. Oleh kerana anak-anak istimewa ini lazimnya terdiri daripada kanak-kanak yang mengalami kesukaran untuk belajar, maka mereka memerlukan pengubahsuaian dalam kurikulum dan kaedah mengajar supaya mereka dapat memahami dan berinteraksi dengan sistem pembelajaran tersebut. Pendidikan berbentuk inklusif seperti ini perlu dilaksanakan atas dasar pendidikan di Malaysia kerana merangkumi keperluan kesamarataan hak asasi, keperluan pendidikan berkualiti dan keperluan sosial seseorang kanak-kanak berkeperluan khas (Anuar & Rozubi, 2010). Permintaan untuk pendidikan inklusif yang semakin meningkat di seluruh dunia mencerminkan keperluan untuk menyediakan akses yang setara dan peluang pembelajaran kepada anak-anak yang mempunyai keperluan khas. Mehta (2023) menekankan bahawa pendekatan ini menggalakkan integrasi mereka dalam persekitaran pendidikan arus perdana, memastikan mereka menerima sokongan yang sesuai dan merangsang perkembangan holistik anak-anak istimewa ini. Hal ini menjadi perhatian khusus kepada

kerajaan dalam usaha untuk memastikan anak-anak istimewa ini mendapat sokongan khusus dan memperoleh akses terhadap pendidikan yang inklusif.

Sebagai tindak balas kepada keperluan ini, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah menjadi institusi yang menyediakan penjagaan dan pendidikan terbaik untuk menyantuni anak-anak istimewa. Pusat ini memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan pendidikan mereka dengan memberikan sokongan dan perkhidmatan yang sesuai serta menggunakan pendekatan yang berbeza berdasarkan keperluan individu. Dalam usaha untuk memahami secara holistik bagaimana PDK beroperasi, kajian ini dilaksanakan dengan berfokus kepada eksplorasi PDK di Kuantan, ibu negeri Pahang. Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau dan memahami tiga aspek penting iaitu program dan pengisian, sistem sokongan, dan kemudahan serta infrastruktur yang disediakan di setiap PDK yang terpilih. Pemahaman mendalam tentang bagaimana pusat-pusat ini beroperasi serta pendekatan yang diambil dalam pendidikan anak-anak istimewa adalah sangat penting dalam memperbaiki kualiti sokongan yang diberikan. Dalam kajian ini juga, dapat dinilai sejauh mana setiap PDK mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh agensi berwajib seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pusat-pusat ini dalam menyantuni anak-anak istimewa.

### **Kajian Literatur**

Eksplorasi terhadap peranan dan keberkesanan PDK di Kuantan dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang bagaimana pusat ini membantu dalam perkembangan anak-anak istimewa. Kajian literatur ini bertujuan untuk menganalisis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik ini.

### **Pengenalan dan Latar Belakang PDK**

Menerusi portal rasmi Program Pemulihan Dalam Komuniti (2017), program ini yang juga dikenali sebagai *Community-Based Rehabilitation (CBR)* pada asalnya dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah terlibat secara langsung dalam penyediaan manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubahsuaikan pelaksanaan program ini. Pada tahun 1984, JKJ telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu yang melibatkan 55 Orang Kurang Upaya (OKU). Program PDK ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan berkembang dengan pesatnya ke seluruh negara.

Pada dasarnya program di setiap PDK berasaskan tiga model iaitu Home Based, Centre Based dan Centre-Home Based. Home Based atau PDK di rumah bermaksud program pemulihan dijalankan di rumah OKU yang tidak dapat hadir ke PDK kerana kecacatan yang dialaminya ataupun masalah pengangkutan. Petugas dari PDK akan ke rumah OKU untuk menjalankan latihan pemulihan dan bertugas selama empat jam sehari. Pelaksanaan PDK di rumah dapat dilaksanakan sekiranya lebih daripada 15 OKU yang tidak dapat hadir ke PDK kerana kecacatan atau masalah pengangkutan. Manakala Centre Based atau PDK di pusat bermaksud program pemulihan OKU dijalankan di pusat PDK, juga selama empat jam sehari. OKU akan datang ke pusat PDK untuk menjalani program pemulihan. Seterusnya, Centre Home Based atau PDK di pusat dan di rumah. Program pemulihan dijalankan di pusat PDK selama empat hari dengan tempoh masa selama empat jam sehari. Kemudian, salah satu hari dalam seminggu atau kebiasaannya hari Jumaat akan dikhaskan untuk sesi ke rumah OKU selama empat jam untuk melihat perkembangan OKU setelah menjalani program pemulihan.

Setiap PDK juga menggunakan konsep ‘One Stop Centre’ dimana setiap pusat bertindak sebagai ‘Focal Point’ dan menggunakan pendekatan integrasi komuniti di setiap daerah dan negeri. Melalui PDK ‘One Stop Centre’, perkhidmatan kepada OKU akan disediakan di satu tempat bagi memudahkan mereka dan masyarakat setempat mendapatkan maklumat, khidmat nasihat dan keperluan semasa serta latihan yang bersesuaian. Konsep ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada keluarga dan masyarakat untuk berkomunikasi dan dengan itu membantu dalam proses pemulihan kumpulan ini. Berikut merupakan peranan PDK sebagai ‘One Stop Centre’;

- Pusat Intervensi Awal OKU.
- Pusat Sumber maklumat OKU.
- Pusat Rujukan OKU.
- Pusat Pendaftaran OKU.
- Pusat Advokasi.

### **Kepentingan dan Manfaat Penubuhan PDK**

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017), PDK merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah. Terdapat lima objektif utama penubuhan PDK iaitu:

1. Menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan orang kurang upaya (OKU).
2. Mengembleng sumber tempatan untuk pemulihan sumber tempatan untuk pemulihan OKU.
3. Menggalakkan penggunaan cara yang mudah dan teknik yang diterima, murah, efektif dan sesuai dengan keadaan setempat.
4. Menggunakan infrastruktur organisasi tempatan yang sedia ada untuk memberi perkhidmatan.
5. Mengambil kira sumber ekonomi negara dan membolehkannya untuk diperluaskan perkhidmatan yang menyeluruh mengikut keperluan OKU.

Kepentingan PDK sebagai perkhidmatan sokongan telah dibincangkan oleh Amin et al. (2020), yang menekankan betapa pentingnya program ini untuk anak-anak istimewa. PDK menyediakan peluang pendidikan dan latihan yang membantu meningkatkan keupayaan anak-anak istimewa. Berdasarkan pengalaman kebanyakan informan dalam kajian tersebut, perkhidmatan yang disediakan oleh PDK dianggap penting untuk membantu anak-anak mereka melalui proses pemulihan yang berkesan serta mendapatkan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan mereka. Ini menunjukkan bahawa PDK memainkan peranan yang signifikan dalam mendukung perkembangan dan kesejahteraan anak-anak istimewa melalui pendidikan dan latihan khusus.

Jaafar et al. (2021) menyatakan bahawa anak-anak istimewa memerlukan pemulihan yang komprehensif dan berterusan. PDK telah dibina untuk memenuhi keperluan ini dan telah memberi manfaat kepada semua peringkat umur dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Di Malaysia, kerajaan telah membiayai sebahagian besar pemulihan anak-anak istimewa di PDK dan hasil kajiannya menunjukkan terdapat keberhasilan dalam program pemulihan yang dijalankan meskipun peningkatannya tidak ketara. Selain itu impak keberhasilan usaha ini turut dapat dilihat melalui kajian Hasan et al. (2021) yang menilai

kepuasan ibu bapa dan penjaga terhadap perkhidmatan PDK untuk anak-anak istimewa di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia. Hasil kajiannya menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi di kalangan responden dengan majoriti ibu bapa dan penjaga menyatakan kepuasan dengan perkhidmatan semasa yang disediakan. Tahap kepuasan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti lokasi pusat, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, dan sumber pendapatan. Dapat dilihat kepentingan mempertimbangkan faktor sosioekonomi dan lokasi geografi dalam menyediakan perkhidmatan PDK yang berkesan untuk anak-anak istimewa di Malaysia.

### **Isu dan Cabaran di PDK**

Beberapa kajian telah mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh PDK, termasuk kekurangan dana dan kekurangan tenaga kerja yang terlatih. Kajian literatur mengenai PDK di Malaysia telah mengenal pasti jurang yang ketara dalam perkembangan kerjaya guru di PDK, perkembangan kurikulum yang sesuai, dan penilaian keperluan latihan dalam inisiatif PDK. Kajian ini menggariskan keperluan untuk penyelidikan dan pembangunan lebih lanjut dalam aspek kritikal ini bagi meningkatkan keberkesanan dan kemampunan PDK di Malaysia (Salleh, 2022). Menangani jurang ini boleh membawa kepada peningkatan tahap keberhasilan setiap PDK seterusnya menyumbang kepada kejayaan keseluruhan usaha PDK di negara ini. Kerjasama yang lebih erat antara pihak kerajaan, NGO, dan komuniti adalah penting untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Tambahan pula, sokongan berterusan dan penyediaan sumber yang mencukupi adalah kritikal untuk memastikan keberkesanan PDK.

Voon et al. (2023) turut menekankan faktor perkembangan potensi guru atau petugas di PDK sebagai salah satu daripada enam aspek utama dalam mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan PDK. Aspek lain yang turut digariskan termasuklah orientasi pelatih, orientasi pesaing, penyelarasan fungsi dan tugas, pemangkin kecemerlangan, dan fokus jangka panjang. Aspek-aspek ini akan ditekankan dalam menilai keberkesanan perkhidmatan PDK. Dengan memfokuskan penilaian terhadap aspek-aspek ini dapat membantu pihak berkepentingan meningkatkan kelestarian dan kualiti perkhidmatan dan penjagaan yang membawa kepada peningkatan kesejahteraan dan kualiti pendidikan anak-anak istimewa ini secara keseluruhan. Berdasarkan kajian literatur ini, jelas bahawa PDK berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan yang berfokus pada pendidikan dan pemulihan, yang sangat diperlukan untuk meningkatkan keupayaan dan kesejahteraan anak-anak ini. Bagi memastikan PDK mampu untuk terus memberi manfaat yang maksimum, penyelidikan lanjut dan sokongan berterusan dari pelbagai pihak adalah amat diperlukan. Ini termasuk pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), komuniti, dan ibu bapa.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini tidak hanya memberikan gambaran tentang pendekatan yang diambil oleh pusat-pusat pendidikan anak-anak istimewa, tetapi juga menyoroti perbezaan dan kepelbagaian dalam pendekatan pendidikan yang ada. Oleh itu, metodologi penyelidikan kualitatif deskriptif dipilih untuk diaplikasikan dalam kajian ini kerana menurut Suada & Vedat (2023), metod ini memberikan gambaran terperinci melalui pemerhatian, wawancara, dan analisis data, untuk memahami secara mendalam pengalaman, persepsi, dan tingkah laku dalam konteks semula jadi. Justeru, metodologi ini diaplikasikan dalam kajian ini bagi mendapatkan pemahaman mendalam tentang operasi dan pengurusan PDK serta membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan yang komprehensif tentang pengalaman dan persepsi pihak-pihak yang terlibat. Data untuk kajian ini diperolehi melalui beberapa kaedah, termasuk temu bual bersama penyelia dan petugas PDK, pemerhatian langsung terhadap aktiviti di PDK, dan analisis dokumen

berkaitan dengan operasi PDK. Melalui gabungan kaedah ini, kajian ini dapat menyediakan pemahaman yang mendalam tentang isu-isu utama yang dihadapi oleh anak-anak istimewa dan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menyediakan pengisian yang terbaik untuk mereka. Melalui pemerhatian terperinci dan temu bual, kajian ini juga dapat meneliti beberapa aspek yang menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak pengurusan dan petugas dalam menyediakan sokongan yang berkualiti.

Seterusnya, pemilihan daerah Kuantan sebagai lokasi kajian eksplorasi ini adalah atas beberapa faktor. Selain daripada faktor daerah Kuantan merupakan daerah asal kelahiran penulis, daerah ini dipilih atas faktor lokasi yang strategik kerana Kuantan adalah ibu kota negeri Pahang dan mempunyai aksesibiliti yang baik dari pelbagai kawasan, memudahkan pengumpulan data dan pelaksanaan kajian. Bilangan PDK berdaftar yang agak banyak di Kuantan juga merupakan salah satu faktor utama. Dengan setiap pendekatan ini, diharapkan kajian ini dapat memberikan pandangan yang komprehensif tentang pengalaman dan keperluan anak-anak istimewa ini dalam konteks pendidikan di pusat-pusat ini.

### Hasil Kajian

Terdapat tujuh pusat PDK yang berdaftar dibawah JKM di sekitar Kuantan, Pahang. Namun, kajian eksplorasi ini hanya bertumpu kepada lima daripada tujuh pusat tersebut atas sebab terdapat beberapa kekangan dari sudut prosedur yang tidak dapat dielakkan. Dua pusat yang terkecuali ialah PDK Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terletak di dalam pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kem Batu 10, serta PDK Kompleks Penyayang Kuantan yang terletak di dalam Kompleks JKM Kuantan di Kg. Tiram. Berikut merupakan maklumat ringkas berkaitan latar belakang lima pusat PDK yang terpilih;

**Jadual 1: Latar belakang PDK di Kuantan**

No.	Nama	Lokasi	Tarikh penubuhan	Tarikh perasmian	Penyelia	Bil. petugas	Bilangan pelatih	
							Di pusat	Di rumah
1.	<b>PPDK ANIS Indera Mahkota</b>	No.1 Lorong IM 15/11, Astana View, 25200 Kuantan	22 Disember 2015	18 Februari 2022	En. Mohd Sapawi Abu Bakar	3	17	-
2.	<b>PPDK Tunas Sri Teruntum</b>	JKR 279, Jalan Mat Kilau, 25150 Kuantan	3 Jun 1990	30 Mac 2003	Pn.Noraishikin Alias	10	51	10
3.	<b>PPDK PPOKU Paya Besar</b>	No.1 Lorong Karyawan 10, Taman Guru, 25050 Kuantan	1 Mac 1999	1 Mac 2018	Pn. Fauziah Abdul Malik	5	27	14
4.	<b>PPDK Sri Nilam Cahaya Balok</b>	Balairaya Kg. Balok, 26100 Kuantan	6 September 1997	27 Disember 2017	Pn. Roshayati Sulaiman	10	50	9
5.	<b>PPDK Semurni Qaseh</b>	No.13, Lrg. 18 Perumahan	-	-	Pn. Shiqah Mohd. Taib	6	39	-

		Bukit Rangin, 25150 Kuantan						
--	--	--------------------------------------	--	--	--	--	--	--

Sumber: Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), 2017

Hasil daripada tinjauan di setiap PDK yang disenaraikan di atas beserta temubual dan analisis dokumen-dokumen yang berkaitan, berikut merupakan perbincangan lanjut mengenai tiga aspek utama dalam kajian ini; 1- Program dan pengisian; 2- Sistem sokongan; dan 3- Kemudahan dan infrastruktur.

### Program dan Pengisian

Terdapat variasi antara setiap pusat PDK di Kuantan dalam merancang dan menyusun atur jadual harian pelajar dengan pelbagai program dan pengisian. Namun perbezaan itu tidak ketara kerana setiap program perlu berasaskan garis panduan yang dikuatkuasakan oleh JKM dan KKM. Kecenderungan dan kreativiti para penyelia dan petugas yang mencorakkan warna pada setiap aktiviti yang dilaksanakan. Berikut merupakan dua contoh jadual harian bagi dua pusat yang berbeza sebagai perbandingan;

**Jadual 2: Jadual Aktiviti Harian PDK Sri Nilam Cahaya Balok**

MASA / HARI	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
8.00-8.30 PAGI	TERIMA KEDATANGAN PELATIH				
8.30-9.00 PAGI	- PERHIMPUNAN PAGI - GOTONG – ROYONG		SENAMAN PAGI - MOTOR KASAR - SENAMROBIK - SENAMAN BEBAS		PERSIAPAN LAWATAN KE RUMAH PELATIH
9.00 – 10.30 PAGI	- PERBUALAN PAGI - MOTOR HALUS (AKTIVITI SIMULASI) - PERKEMBANGAN SOSIAL - AKTIVITI DOMESTIK (PERTANIAN) - LATIHAN RPI	- PERBUALAN PAGI - AKTIVITI TERAPI MUZIK (TARIAN) (NYANYIAN) - LATIHAN RPI	- PERBUALAN PAGI - AKTIVITI SENI KREATIF - KEMAHIRAN DOMESTIK (PELATIH DEWASA) - PROJEK EEP (PELATIH DEWASA) - LATIHAN RPI	- PERBUALAN PAGI - KEMAHIRAN PRA BACAAN DAN PADANAN (AKTIVITI STIMULASI) - PEMBELAJARAN ASAS AGAMA - LATIHAN RPI	LAWATAN KE RUMAH PELATIH DAN KEMASKINI REKOD
10.30 – 11.00 PAGI	REHAT (MAKAN PAGI)				
11.00 – 11.50 PAGI	KEMAHIRAN URUS DIRI - LATIHAN RPI				
11.50 – 12.00 TENGAHARI	BACAAN SELAWAT DAN DOA PULANG				
12.00 TENGAHARI	PELATIH PULANG				
12.00 – 2.00 PETANG	KEMASKINI REKOD PETUGAS DAN PULANG				
12.00 – 4.00 PETANG	KEMASKINI REKOD PENYELIA DAN PULANG				

Sumber: PDK Sri Nilam Cahaya Balok

**Jadual 3: Jadual Aktiviti Harian PDK Tunas Sri Teruntum**

MASA / HARI	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
7.30 – 8.00 PAGI	SAMBUT PELATIH DAN AMBIL KEDATANGAN				LAWATAN KE RUMAH PELATIH DAN PENGURUSAN PENTADBIRAN
8.00 – 8.30 PAGI	PERBUALAN PAGI & SERAHAN TUGASAN DOMESTIK				
8.30 – 9.30 PAGI	SOLAT DHUHA	SUKANEKA	ZUMBA	TEAM BUILDING	
9.30 – 10.30 PAGI	BERKUMPULAN	KELAS INDIVIDU	KELAS INDIVIDU	BERKUMPULAN	
	BENKEL JAHITAN / BAKERI / PERTANIAN / SULAMAN				
10.30 – 11.30 PAGI	REHAT SARAPAN DAN LATIHAN KEBERSIHAN DIRI				
11.30 – 12.30 TENGAHARI	BERKUMPULAN	KELAS INDIVIDU	KELAS INDIVIDU	BERKUMPULAN	
	BENKEL JAHITAN / BAKERI / PERTANIAN / SULAMAN				
12.30 – 1.00 PETANG	WAKTU BALIK PELATIH				
1.00 – 2.00 PETANG	PENGURUSAN PENTADBIRAN PETUGAS				

Sumber: PDK Tunas Sri Teruntum

Dua jadual harian yang sedikit berbeza di dua PDK ini mencerminkan pendekatan yang unik dan pelbagai daripada setiap PDK dalam memberikan pengisian kepada anak-anak istimewa ini. Meskipun sedikit berbeza dari sudut perlaksanaannya di setiap pusat, namun tujuannya tetap sama iaitu untuk mengembangkan potensi pelajar secara holistik. Aktiviti yang disediakan meliputi pelbagai jenis latihan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran motor kasar dan halus, perkembangan sosial, pembangunan bahasa, serta pengurusan diri. Kemahiran 3M (Membaca, Menulis, dan Mengira) juga diselit secara tidak langsung dalam aktiviti harian mereka yang bertujuan meningkatkan kemahiran literasi dan berfikir anak-anak ini.

Semasa lawatan penyelidikan ke PDK ANIS di Indera Mahkota, penyelidik berpeluang melihat anak-anak istimewa ini membuat biskut coklat dan memasak sambal dengan dibimbing oleh petugas. Hasilnya akan dijual dan dijadikan sebagai dana tambahan untuk anak-anak di pusat itu sendiri. Begitu juga dengan lawatan ke PDK Tunas Sri Teruntum di mana penyelidik dapat melihat pelbagai produk hasil tangan anak-anak istimewa di sana. Produk seperti beg tangan, dompet, sulaman tag nama dan bekas pensil merupakan antara hasil kerja mereka sendiri yang begitu cekap mengendalikan mesin jahitan dan sulaman. Produk dalam bentuk hasil tanaman juga tidak kurang banyaknya kerana hampir setiap PDK yang ditinjau oleh penyelidik mempunyai kebun tanaman yang terjaga rapi oleh anak-anak ini. Selain dari hasil tanaman itu sendiri, mereka turut menghasilkan produk seperti baja yang sedia untuk dijual kepada penduduk setempat.

Latihan vokasional seperti ini diberikan bagi memanfaatkan keupayaan dan mengukuhkan kemahiran serta minat anak-anak istimewa ini. Selain itu, aktiviti permainan, sukaneka, dan senamrobik juga diberi penekanan untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang menyenangkan dan memastikan mereka kekal aktif. Aktiviti lain seperti terapi muzik pula disediakan bagi merangsang perkembangan kognitif dan kreativiti, serta membantu mereka dalam mengekspresikan diri dan menguruskan emosi dengan lebih baik. Pengisian rohani

seperti solat Dhuha dan pembelajaran asas agama juga perlu dilihat sebagai inisiatif yang penting dalam menanam nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak ini.

### **Sistem Sokongan**

Sistem sokongan ini terdiri daripada individu, jabatan dan masyarakat setempat yang menjadi tunjang dalam memastikan setiap PDK mampu beroperasi dengan sebaiknya. Pada dasarnya sudah tentulah para penyelia dan petugas yang menjadi tulang belakang utama di setiap PDK. Meskipun tidak semua daripada mereka menerima pendidikan formal dalam bidang-bidang seperti pendidikan awal kanak-kanak dan psikologi, namun kepakaran mereka dalam menyantuni anak-anak istimewa ini tidak dapat dinafikan. Latihan awal bagi setiap petugas beserta sifat-sifat murni yang sedia ada dalam diri mereka sudah cukup untuk mereka mengikhlaskan diri menabur khidmat pada anak-anak istimewa. Salah seorang petugas yang ditemubual berkongsi mengenai pengalaman beliau selama enam tahun menjaga anak-anak ini dan menyatakan bahawa pengalaman itulah yang menjadi guru beliau untuk memperbaharui skil dan kemahiran dalam menyantuni anak-anak ini.

Antara komponen-komponen utama lain dalam sistem sokongan ini adalah jabatan-jabatan kerajaan yang berperanan sebagai sumber sokongan profesional kepada anak-anak dan keluarga. Pantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat penting untuk memastikan PDK beroperasi mengikut standard dan garis panduan yang ditetapkan. JKJ juga menyediakan bantuan teknikal, pemantauan prestasi, dan sokongan kewangan kepada PDK. Selain itu, pemeriksaan kesihatan secara berkala dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat memastikan kesihatan dan kebajikan anak-anak ini diselia dengan baik. Ini termasuk pemeriksaan kesihatan berkala, vaksinasi, dan rawatan perubatan yang diperlukan. Perkhidmatan pemulihan termasuk terapi okupasi (OT) dan konsultasi pakar pula membantu peserta memperbaiki kemahiran harian mereka. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2023).

Pakar konsultasi juga merupakan antara individu penting dalam membentuk sistem sokongan yang baik. Mereka menyediakan nasihat profesional mengikut bidang kepakaran mereka seperti motivasi, pengurusan emosi, pembangunan potensi mahupun keperluan kesihatan. Di samping sistem sokongan dalaman, sokongan komuniti setempat juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan integrasi anak-anak istimewa ke dalam masyarakat. Meskipun beberapa penyelia yang ditemubual mengakui bahawa masyarakat setempat kurang mengambil tahu perihal pusat-pusat ini, namun tidak dinafikan masih terdapat segelintir yang sudi memberi sumbangan dan menganjurkan program bersama anak-anak istimewa ini.

### **Kemudahan dan Infrastruktur**

Kemudahan dan infrastruktur yang tersedia di setiap PDK di Kuantan menjadi asas yang penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang efektif untuk anak-anak istimewa. Setiap PDK mempunyai kemudahan yang berbeza bergantung kepada kemampuan kewangan dan keluasan bangunan pusat itu sendiri. Seperti PDK Tunas Sri Teruntum yang merupakan antara salah satu pusat terbesar di Kuantan, PDK ini mempunyai ruang bilik yang berbeza untuk setiap aktiviti dan latihan seperti bilik jahitan, bilik seni kreatif, bilik membuat kek dan kebun tanaman yang agak luas. Berbeza dengan PDK Paya Besar dan PDK Semurni Qaseh yang menjadikan rumah teres sebagai pusat, hampir kesemua aktiviti dilakukan di ruang tamu, dan kawasan luar rumah yang agak terhad. Hanya set mini playground atau trampolin sahaja mampu dimuatkan dalam ruangan yang terhad untuk anak-anak kecil bermain. Manakala di PDK ANIS yang juga bertempat di perumahan teres, beberapa buah ketuhar gelombang mikro memenuhi segenap ruang tamu untuk anak-anak ini membuat biskut.

Kemudahan lain seperti ruang belajar, dapur, tandas dan pejabat penyelia kebanyakannya berada di tahap yang memuaskan. Namun begitu, beberapa PDK seperti PDK ANIS dan PDK Paya Besar kelihatan lebih selesa dengan dilengkapi penghawa dingin dan persekitaran rumah yang terjaga rapi. Berbeza dengan PDK Tunas Sri Teruntum, meskipun mempunyai persekitaran pusat yang luas, namun faktor bangunan yang agak berusia menyebabkan beberapa ruang kelihatan agak daif dan kurang memuaskan. Namun perlu difahami bahawa kekangan kewangan merupakan antara faktor utama kebanyakan pusat ini sukar untuk dinaiktaraf.

Di beberapa PDK terdapat juga ruang terapi khusus yang dilengkapi dengan peralatan yang sesuai untuk terapi anak-anak. Seorang petugas di PDK Paya Besar berkongsi mengenai perihal anak-anak istimewa yang kadangkala bersikap agresif dan tantrum serta cara untuk menanganinya. Mereka akan membawa anak ini ke dalam ruang terapi yang dilengkapi dengan lampu berwarna-warni, *soft ball* dan futon lembut untuk menenangkannya. Anak ini akan asyik dengan lampu berwarna sambil dipeluk erat oleh petugas sehingga kembali tenang. Ruang ini juga menjadi tempat di mana mereka melakukan aktiviti terapi dan latihan untuk meningkatkan kemahiran fizikal mereka.

Meskipun beberapa PDK mungkin menghadapi keterbatasan ruang, kekurangan peralatan, atau kewangan yang terhad, namun melalui pemerhatian penyelidik, setiap PDK akan memastikan bahawa setiap anak-anak di dalam asuhannya dapat melakukan aktiviti dan memubuat latihan dalam suasana yang selamat dan mesra. Setiap kemudahan dan infrastruktur yang disediakan telah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh para petugas dan penyelia. PDK di Kuantan dilihat masih mampu untuk terus berusaha menjadi tempat yang benar-benar inklusif bagi menyokong tumbesaran anak-anak istimewa ini. Diharapkan setiap usaha mereka mendapat sokongan dan perhatian daripada pihak berwajib serta masyarakat setempat.

### **Kesimpulan**

Menerusi eksplorasi ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa program dan pengisian di PDK tidak hanya sekadar untuk pembelajaran akademik seperti membaca, menulis, dan mengira, tetapi juga untuk mengakomodasi kepelbagaian keperluan dan keupayaan anak-anak istimewa. Secara keseluruhannya, setiap aktiviti yang disediakan oleh PDK bagi anak istimewa ini adalah untuk mencapai matlamat utama iaitu memberi mereka peluang yang setara dalam pendidikan dan perkembangan potensi diri. Hal ini membolehkan mereka mencapai potensi penuh mereka serta mengintegrasikan diri mereka dengan masyarakat secara lebih efektif. Selain itu, dengan mengukuhkan kemahiran yang terdapat pada diri mereka, sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup, dan memupuk kemandirian mereka sebagai individu yang berdaya saing dalam masyarakat. Hal ini jelas kerana mereka juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai perasaan, kebolehan, keterampilan, bakat dan kepintaran dalam pelbagai bidang seperti manusia tipikal yang lain (Pisol et al., 2022).

Namun demikian, perlu diakui bahawa sebahagian PDK di Kuantan menghadapi cabaran dari aspek kemudahan dan infrastruktur. Walaupun demikian, adalah penting untuk diambil langkah-langkah untuk menambahbaik kemudahan dan infrastruktur di setiap PDK. Usaha untuk memperbaiki atau memperluas fasiliti, menambah peralatan, dan mendapatkan sokongan kewangan tambahan boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di PDK tersebut. Diharapkan setiap anak-anak istimewa yang diasuh dapat memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih baik dan memacu potensi diri mereka dengan lebih jauh lagi. Setiap PDK juga diharapkan dapat terus menggunakan pendekatan yang holistik dan inklusif dalam usaha menjadi peneraju dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti.

Komuniti masyarakat pula seharusnya lebih peka dan turut sama memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan golongan anak-anak istimewa ini. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis riwayat *Imām al-Bukhārī*;

{ كَلُّكُمْ رَاعٍ وَكَلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ }

«Setiap kalian adalah pemimpin, kesemuanya bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya» (HR Bukhārī 7/31, Ḥadīth no. 5200).

### Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2024/SSI03/USIM/02/2).

### Rujukan

Al-Qur'an

- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. (2011). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min umūri Rasūl Allāh ṣalla Allāh 'alayhi wa Sallama wa Sunanihi wa Ayyāmihī*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Amin, A. S., Ayu, H. M., & Manap, J. (2020). Perkhidmatan sokongan bagi keluarga yang mempunyai anak masalah pembelajaran di luar bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(3), 28–41.
- Anuar, A. A., & Rozubi, N. C., (2010). Keperluan pendidikan inklusif dalam program pendidikan arus perdana di Malaysia. *International Conference on Learner Diversity 2010*: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan, H., Firzah, A., Aziz, A., & Aljunid, S. M., (2021). Parents' and caregivers' satisfaction with community-based rehabilitation (CBR) services for children with disability in east coast states in Peninsular Malaysia. *Health & Social Care in The Community*, 29(1), 215-226.
- Jaafar, N. A., Nordin, N. A. M., & Aljunid, S. M. (2021). Keberhasilan pemulihan dalam komuniti dan faktor berkaitan dengannya dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 19(1), 177–185.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2017). *Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU)*. <http://jkm.gov.my/>. Accessed 6 Feb 2024.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2023). *Perkhidmatan Kesihatan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)*. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. <https://hq.moh.gov.my/bpkk/>. Accessed 6 Feb 2024.
- Mehta, R. (2023). Education of children with special needs- a systematic review of literature. *Contemporaneity of Language and Literature in the Robotized Millennium*, 5(1), 1-5.
- Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., Azmi, Z. H., Azmi, A. M., & Muhammad, N. (2022). Peranan sistem sokongan komuniti, pendidikan dan industri terhadap OKU penglihatan di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 320-327.
- Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). (2017). *Portal Rasmi Program Pemulihan Dalam Komuniti*. PDKnet. <http://pdk.jkm.gov.my/>. Accessed 6 Feb 2024.
- Rahmawati, N., (2018). Islamic epistemology studies of children with special needs in inclusion education. *EDUKASI: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 266–282.
- Salleh, H. M., (2022). A literature review of community based rehabilitation (CBR) Research in Malaysia. *European Proceedings of Multidisciplinary Sciences*.

- Suada, A. D. & Vedat, B. (2023). Qualitative research methods in science and higher education. *Human Research in Rehabilitation, 13(1)*, 156-166.
- Voon, B. H., Jee, T. W., Shufian, N. B., Teo, A. K., (2023). *Community-based Rehabilitation Service Excellence for Sustainability*.